

PENERAPAN NILAI KERJA BERPASUKAN DI KALANGAN PELAJAR MELALUI AKTIVITI SENI SILAT BERTERASKAN KONSEP TA'AWUN DAN UKHUWAH

IMPLEMENTATION OF TEAMWORK VALUES AMONG STUDENTS THROUGH SILAT ACTIVITIES BASED ON THE CONCEPTS OF TA'AWUN AND UKHUWAH

Ahmad Nazib Alias^{1*}
Mohd Hambali Anuar²

¹ Faculty of Applied Sciences, UiTM Perak Branch, Tapah, Campus, 35400, Tapah Road, Perak, Malaysia
Malaysia

(Email: ahmadnazib111@uitm.edu.my)

² Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Perak 30020 Ipoh, Perak, Malaysia

*Corresponding author: ahmadnazib111@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Alias, A. N., & Anuar, M. H. (2025). Penerapan nilai kerja berpasukan di kalangan pelajar melalui aktiviti seni silat berteraskan konsep ta'awun dan ukhuwah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 637 - 647.

Abstrak: Silat bukan sekadar ilmu seni mempertahankan diri, tetapi merupakan satu warisan budaya yang kaya dengan nilai-nilai Islam. Dalam tradisi Melayu-Islam, silat menerapkan bukan hanya untuk kekuatan fizikal, malah untuk membentuk akhlak, disiplin, dan rohani. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penerapan nilai kerja berpasukan dalam kalangan pelajar melalui pendekatan seni silat berteraskan budaya Islam, dengan fokus kepada pembangunan kemahiran insaniah. Pelajar diajar mengenai pantang larang silat cekak dan juga matapelajaran silat cekak terlebih dahulu. Tugas yang akan diberikan kepada pelajar berbentuk aktiviti khidmat masyarakat. Kemudian, pelajar-pelajar akan membentuk beberapa kumpulan dan akan membentangkan hasil dapatan mereka sepanjang sesi kelas teori yang telah dijalankan. Borang soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar bagi menilai tahap kerjasama, komunikasi, dan komitmen semasa melaksanakan aktiviti. Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar berasa selesa bekerja dalam kumpulan (70.2%) dan mampu bekerjasama dengan baik (66%). Walaupun ada yang tidak mengenali ahli kumpulan pada awalnya, 78.7% pelajar menyatakan kegembiraan kerana berjaya menyiapkan tugas bersama-sama. Secara keseluruhan hasil kajian ini menunjukkan bahawa integrasi aktiviti silat dan nilai budaya Islam dalam bentuk tugas berkumpulan berkesan dalam memperkukuh kemahiran kerja berpasukan serta menyemai nilai murni dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: Seni silat, ta'awun dan ukhuwah, kemahiran insaniah, kerja berpasukan

Abstract: Silat is not merely a martial art, but a cultural heritage rich in Islamic values. In the Malay-Islamic tradition, silat is taught not only to develop physical strength but also to shape character, discipline, and spiritual growth. This study aims to explore the application of

teamwork values among students through a silat-based approach grounded in Islamic culture, with a focus on soft skills development. Students were first introduced to the taboos (pantang larang) and syllabus of Silat Cekak. Afterwards, they were given assignments involving community service activities and group presentations. A survey was distributed to assess their levels of cooperation, communication, and commitment during these activities. The findings revealed that a majority of students felt comfortable working in groups (70.2%) and demonstrated good collaboration (66%). Although some students did not initially know their teammates, 78.7% expressed happiness at being able to complete the tasks together. Overall, the results indicate that integrating silat activities and Islamic cultural values into group assignments effectively enhances teamwork skills and instills noble values among students

Keywords: *Silat Art, ta'awun and ukhuwah, soft skills, teamwork*

Pendahuluan

Kerja berpasukan merupakan suatu aspek kemahiran insaniah dan nilai tambah yang diperlukan oleh seorang graduan bagi membolehkan mereka meningkatkan kebolehpasaran kerja. Kemahiran ini merupakan suatu aspek kompetensi pekerjaan yang harus dimiliki oleh graduan yang akan melangkah ke alam pekerjaan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menegaskan betapa pentingnya pengembangan kemahiran ini di dalam menjadikan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Disamping itu, kerja berpasukan ini juga amat penting bagi mewujudkan graduan yang dapat menghadapi cabaran alaf baru, prospek pekerjaan dan daya saing pada peringkat global (Fadhil, Ismail, & Alnoor, 2021). Kerja berpasukan juga merupakan elemen penting dalam membentuk sahsiah dan kepimpinan seseorang pelajar. Melalui aktiviti ko-kurikulum seperti kegiatan persilatan, pelajar berpeluang untuk belajar cara bekerjasama, berkomunikasi, membuat keputusan bersama, serta menghormati pendapat ahli kumpulan (A. M. Ismail & Ahmad, 2011). Aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung membina semangat kesatuan dan tanggungjawab bersama dalam mencapai sesuatu matlamat.

Dari perspektif Islam, kerja berpasukan sangat dianjurkan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Ma'idah ayat 2:

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa..."

Ayat ini menunjukkan bahawa kerjasama dalam perkara baik dan memberi manfaat merupakan suatu yang dituntut dalam agama. Tambahan pula, Rasulullah SAW dan para sahabat sering menunjukkan contoh kerja berpasukan dalam menyebarkan dakwah, membina masjid, dan ketika menghadapi peperangan. Islam mengajar bahawa setiap individu mempunyai peranan, dan kejayaan dicapai apabila semua ahli bekerja sebagai satu pasukan dengan niat yang ikhlas dan tujuan yang murni. Justeru, penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum bukan sahaja membantu perkembangan diri dari sudut jasmani dan emosi, tetapi juga menepati ajaran Islam yang menekankan pentingnya semangat tolong-menolong, ukhwah, dan keadilan dalam berorganisasi (F. Ismail, Mohamad, & Khamis, 2021).

Walaupun aktiviti ko-kurikulum di institusi pendidikan telah dilaksanakan bagi membentuk kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, dan kerja berpasukan, namun masih terdapat pelajar yang kurang menunjukkan semangat kerjasama dan rasa tanggungjawab dalam kumpulan (Hamdan et al., 2019). Sikap individualistik, tidak mengambil inisiatif, dan

bergantung sepenuhnya kepada ahli lain boleh menjejaskan keberkesanan kerja berpasukan (Aizat & A, 2015). Dari perspektif Islam, kerja berpasukan adalah satu nilai murni yang ditekankan dalam kehidupan bermasyarakat, sebagaimana konsep *ta'awun* (tolong-menolong) dan *ukhuwah* (persaudaraan) yang disebut dalam al-Quran dan sunnah (Firmansyah, Sumantri, Mutmainna, & Azizah, 2025). Di dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, salah satu daripada pantang larang adalah tidak boleh bergaduh sesama ahli. Salah satu tujuan pantang larang ini bagi mengelakan perpecahan dalam kalangan masyarakat serta mewujudkan suasana yang harmoni di dalam masyarakat (Zainudin, 2024). Justeru itu, kertas kerja ini dibentangkan untuk mendapatkan sejauh mana kesedaran pelajar terhadap konsep *ta'awun* dan *ukhuwah* dalam kerja berpasukan mengikut kerangka SSCM. Kertas kerja ini juga menerangkan serta bagaimana aktiviti di dalam SSCM boleh dimanfaatkan sepenuhnya sebagai medium untuk memperkukuh nilai kerjasama dan tanggungjawab menurut syariat.

Sorotan Literatur

Seni Silat merupakan salah satu komponen utama dalam khazanah budaya warisan bangsa yang telah terbukti bukan sahaja berperanan sebagai ilmu pertahanan diri dan strategi peperangan, malah turut menjadi lambang cara hidup masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai-nilai murni (Moinser, Zaid, & Mohar, 2016). SSCM tidak hanya menekankan aspek fizikal dan ketangkasan, tetapi juga memupuk disiplin diri, hormat-menghormati, dan semangat juang yang tinggi, selari dengan ajaran agama Islam yang menjadi tunjang kepada nilai kehidupan orang Melayu (Janudin & Samah, 2020). Dalam konteks ini, Seni Silat Cekak Malaysia (SSCM) merupakan antara bentuk silat Melayu asli yang masih kekal utuh dan terus berkembang. SSCM bukan sahaja diasaskan atas prinsip mempertahankan diri, tetapi turut berteraskan ajaran Islam yang mengutamakan adab, akhlak, dan keikhlasan dalam setiap Tindakan (A. M. Ismail & Rahman, 2018). Pengajaran dalam SSCM merangkumi aspek kerohanian, keilmuan, dan kesopanan, sekali gus memperkukuhkan jati diri penuntutnya melalui pembentukan sahsiah yang seimbang antara jasmani dan rohani. Selain itu, SSCM juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan memelihara adat serta budaya Melayu yang penuh dengan kesantunan dan nilai kebudayaan tinggi. Ilmu ini bukan sekadar satu seni mempertahankan diri, tetapi juga satu medium pendidikan yang mengangkat martabat budaya bangsa dan memperkukuh nilai keperibadian unggul dalam kalangan generasi muda.

Nilai hormat menghormati sesama manusia terutamanya mereka yang lebih tua diterapkan dalam diri setiap bangsa Melayu. Nilai ini bukan sekadar adat atau amalan budaya semata-mata, tetapi turut diperkukuhkan melalui ajaran Islam yang menekankan pentingnya menjaga adab dan akhlak dalam pergaulan seharian. Di dalam SSCM, nilai ini didik melalui pantang larang SSCM iaitu, tidak boleh derhaka kepada guru, tidak boleh derhaka kepada ibu, tidak boleh derhaka kepada bapa, tidak boleh bergaduh sesama ahli dan tidak boleh mencaci silat melayu asli yang lain (Salleh, 2021). Guru merupakan orang yang mengajar kita membaca, menulis, berfikir dan membentuk akhlak. Derhaka kepada guru bermaksud kita tidak menghargai ilmu dan usaha mereka. Dalam Al-Quran, Allah SWT berulang kali perintahkan kita taat dan berbuat baik kepada ibu bapa selepas perintah menyembah-Nya. Contohnya dalam Surah Al-Isra' ayat 23:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya kamu tidak menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa."

Hal ini, menunjukkan betapa tingginya kedudukan ibu bapa dalam Islam. Pantang larang keempat SSCM adalah tidak boleh bergaduh sesama ahli. Islam juga menyuruh untuk kita

menjaga hubungan sesama manusia. Bergaduh sesama ahli boleh merosakkan ukhwa (persaudaraan) yang Islam sangat galakkan. Nabi Muhammad SAW bersabda: *"Seorang Muslim itu saudara kepada Muslim yang lain, dia tidak menzalimi dan tidak membiarkannya."* (HR Bukhari & Muslim). Konsep, matlamat dan falsafah tidak boleh bergaduh sesama ahli diterangkan dengan lengkap oleh A. M. Ismail (2016). Pantang larang kelima iaitu tidak boleh mencaci silat Melayu asli yang lain membawa pengajaran kepada ahli-ahli supaya menjaga keharmonian masyarakat sekeliling. Pantang larang ini juga mendidik ahli supaya berkata dengan sopan, tidak menyakiti hati dan saling menghormati antara satu dengan lain. Dua pantang larang dalam amalan SSCM menekankan konsep kesatuan dan semangat bersatu sebagai teras utama dalam membentuk jati diri ahli (A. M. Ismail, Majid, & Ahmad, 2024). Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) sentiasa mengutamakan nilai perpaduan dan keharmonian sesama ahli sebagai asas kepada kekuatan organisasi. Dalam erti kata lain, perpaduan akan tercapai apabila ahli-ahli mempunyai hubungan yang erat, saling hormat-menghormati dan bergerak dalam satu matlamat yang sama yang dikenali sebagai konsep *"Bersama dan Bersatu"*.

Dari perspektif Islam pula, konsep perpaduan sangat dititikberatkan dan dianggap sebagai asas kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera. Sejarah juga telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah menyatukan bangsa Aus dan Khazraj di Madinah sebagai tunjang kepada kerajaan Madinah (Siti & Muhammad, 2025). Islam memperlihatkan perpaduan sebagai satu ikatan yang terbina melalui dua dimensi utama. Pertama, ialah perpaduan sesama anggota masyarakat tanpa mengira latar belakang, yang menekankan nilai toleransi, bantu-membantu dan kasih sayang (Majid, Ahmad, Aziz, Ahmad, & Ismail, 2019). Kedua, ialah perpaduan antara kaum Muslimin yang ditegakkan atas dasar akidah, ukhuwwah Islamiyyah dan semangat ummah yang Bersatu (Roslan & Tarmidzi, 2024). Kedua-dua bentuk perpaduan ini saling melengkapi dan menjadi asas penting dalam membina masyarakat yang aman, kuat dan bermaruah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan soal selidik untuk menilai tahap kerjasama, komunikasi dan komitmen pelajar semasa bekerja dalam kumpulan. Pelajar terlebih dahulu mengikuti sesi pembelajaran secara teori dan praktikal berkaitan pantang larang dan asas SSCM. Kemudian pelajar diberi satu tugas *"Service Learning Malaysia-University for Society"* atau SULAM iaitu aktiviti khidmat masyarakat. Pelajar perlu melaksanakan aktiviti gotong-royong di Masjid Jamek Tapah, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1. Pelajar yang merupakan responden kajian merupakan terdiri daripada pelajar diploma Universiti Teknologi MARA yang berdaftar sebagai ko-kurikulum Silat Cekak Malaysia (HKB226) dan juga persatuan dalam SSCM.



Rajah 1: Rajah Aktiviti Khidmat Masyarakat Yang Dijalankan Oleh SSCM

Borang soal selidik dibina berdasarkan empat aspek utama dalam kerja berpasukan iaitu:


- i. ketua sebagai penggerak program;
- ii. mengadakan mesyuarat dalam menguruskan tugas yang diberikan;
- iii. melakukan tugas yang diberikan secara bertanggungjawab; dan
- v. berkomunikasi secara berkesan serta mengurangkan konflik di dalam kumpulan.

Responden-responden juga telah diberi pilihan untuk memilih skor kenyataan sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju atau sangat tidak setuju bagi soalan-soalan yang telah diajukan. Skor “sangat setuju” untuk pendapat yang menyokong sepenuhnya kenyataan yang dinyatakan, manakala “setuju” adalah untuk pandangan yang mengakui kenyataan itu tetapi masih mempunyai beberapa pandangan yang bertentangan. Bagi skor “kurang setuju” pula adalah untuk pandangan yang mempunyai perbezaan pandangan melebihi persamaan pandangan dengan kenyataan tersebut, “tidak setuju” untuk pandangan yang memahami kenyataan yang dinyatakan namun menolak kebenarannya dan “sangat tidak setuju” adalah untuk pandangan yang menolak sekeras-kerasnya kenyataan berikut.

Keputusan dan perbincangan

Aspek pertama merupakan ketua sebagai penggerak program. Rajah 2 menunjukkan peratusan responden terhadap skor bagi aspek ketua sebagai penggerak program. Item bagi ‘*Saya merasakan ketua yang paling banyak melakukan kerja dalam kumpulan*’ mendapati bahawa dapatan sebanyak 42.6% responden memberi skor 5 dan 38.3% memberi skor 4, menunjukkan majoriti pelajar mengakui ketua mereka memainkan peranan utama dalam kumpulan. Hanya 2.1% memberi skor rendah (2), menandakan persepsi yang sangat positif terhadap ketua kumpulan. Ketua yang mempunyai pengalaman yang banyak, serta dapat menguruskan kumpulan dengan baik menyebabkan setiap ahli kumpulan selesai untuk bekerja di dalam Kumpulan. Disamping itu, objektif projek juga dapat diselesaikan dengan baik. Perkara ini dapat dilihat melalui item *saya merasa selesai berada di dalam kumpulan* mendapati bahawa


sebanyak 70.2% memberi skor yang 5 dan 23.4% memberi skor 4 dengan skor purata sebanyak 4.638.




Rajah 2: Peratusan Respondens Terhadap Skor Bagi Aspek Ketua Sebagai Penggerak Program

Aspek kedua merupakan mesyuarat dalam menguruskan tugas yang diberikan. Rajah 3 menunjukkan peratusan respondens terhadap skor bagi aspek peranan mesyuarat dalam menguruskan tugas yang diberikan. Item bagi '*kami berbincang dahulu sebelum melakukan setiap tugas yang dilakukan*' mendapati bahawa dapatan sebanyak 74.5% responden memberi skor 5 dan 19.1% memberi skor 4, membuktikan bahawa perbincangan dan perancangan sebelum tugas adalah satu amalan yang konsisten perlu dilakukan apabila bekerja di dalam pasukan. Bagi item *tugas yang diberikan adalah mencabar* mendapati bahawa sebanyak 36.2% memberi skor yang 5 dan 40.4% memberi skor 4 dan 23.4% memberi skor 23.4% dengan purata skor adalah sebanyak 4.128. Hal ini juga menunjukkan tugas yang diberi bukan mudah, tetapi tahap kesukaran ini dilihat secara positif oleh majoriti pelajar. Tahap cabaran tugas yang tinggi memerlukan perbincangan kumpulan yang efektif untuk memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan baik.

Rajah 4 menunjukkan peratusan ahli pasukan bertanggungjawab dalam diri sendiri bagi melakukan tugas yang diberikan. Pembahagian kerja kepada ahli-ahli secara adil dan mengikut keupayaan masing-masing adalah aspek sangat penting dalam berkerja secara berpasukan. Item bagi "*Saya bekerja dengan baik sebagai satu kumpulan*" memperoleh 66.0% skor 5, 25.5% skor 4 dan 8.5% skor 3 dengan purata skor adalah sebanyak 4.575%. Dapatan ini menunjukkan tahap kerjasama yang kukuh dalam kalangan pelajar, sekali gus menggambarkan bahawa pelajar mampu bekerjasama secara efektif dalam pasukan untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Walau bagaimanapun, bagi item "*ada ahli Kumpulan kami yang tidak melaksanakan kerja*" dapatan mendapati 40.4% memberi skor 1 dan 17.0% memberi skor 2 dengan purata skor sebanyak 2.618%. Hal ini menunjukkan bahawa masih wujud isu ketidakseimbangan dalam pelaksanaan tugas oleh sesetengah ahli pasukan. Perkara ini merupakan isyarat untuk penambahbaikan dalam pembahagian tugas dan pemantauan komitmen individu.




Rajah 3: Peratusan Respondens Terhadap Skor Bagi Aspek Peranan Mesyuarat dalam Menguruskan Tugas Yang Diberikan



Rajah 4: Peratusan Ahli Pasukan Bertanggungjawab Dalam Diri Sendiri Bagi Melakukan Tugas Yang Diberikan

Keputusan berdasarkan Rajah 5 menunjukkan bahawa tahap kemahiran komunikasi, keupayaan menyelesaikan konflik, dan amalan bersama dan bersatu dalam melakukan tugas yang diberikan. Keputusan daripada responden berada pada tahap yang sangat memberangsangkan. Majoriti responden memberikan skor tinggi terhadap ketiga-tiga item ini, dengan 70.2% pelajar memberikan skor 5 bagi *kemahiran komunikasi*. Ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dilalui terutamanya melalui pendekatan seperti SULAM telah berjaya meningkatkan keupayaan

pelajar untuk berkomunikasi secara berkesan. Seterusnya, 63.8% memberikan skor 5 bagi *amalan bersama dan bersatu*, manakala 53.2% memberikan skor 5 bagi *keupayaan menyelesaikan konflik*. Hal ini memberi isyarat bahawa pelajar bukan sahaja berupaya bekerjasama dalam satu pasukan, malah mampu menghadapi cabaran dalaman kumpulan dengan cara yang harmoni dan bertanggungjawab. Selain itu, skor 4 turut menunjukkan peratusan yang signifikan bagi ketiga-tiga item tersebut (antara 21.3% hingga 29.8%), menjadikan jumlah keseluruhan responden yang memberi skor tinggi (4 dan 5) melebihi 80% bagi semua aspek yang diukur. Jumlah skor rendah (1 hingga 3) pula sangat minimum, membuktikan bahawa pelajar secara umum mempunyai tahap kompetensi yang baik dari segi komunikasi interpersonal, pengurusan emosi, serta pengamalan nilai kerjasama dalam kumpulan. Hal ini mencerminkan keberkesanan aktiviti yang dijalankan dalam membentuk pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berketerampilan sosial dan beretika (Roslan & Tarmidzi, 2024).



Rajah 5: Peratusan Ahli Pasukan Dalam Aspek Kemahiran Berkomunikasi

Dalam SSCM, pantang larang seperti tidak boleh bergaduh sesama ahli dan tidak boleh mencaci silat Melayu asli yang lain merupakan suatu prinsip asas dalam pembentukan jati diri, akhlak, dan etika berorganisasi terutamanya semasa melakukan kerja berpasukan. Pantang larang ini jelas menyumbang kepada pembentukan sikap positif dalam kalangan pelajar. Pantang larang tidak boleh bergaduh sesama ahli secara langsung menggalakkan suasana harmoni dan mengelakkan konflik dalaman kumpulan. Ini terbukti melalui dapatan kajian yang menunjukkan 53.2% responden memberi skor tertinggi terhadap item "*Saya boleh menyelesaikan konflik apabila ia timbul*". Hal ini menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mengaplikasikan prinsip ini dalam tugas kumpulan. Selain itu, nilai hormat, sabar dan berlapang dada juga tercermin dalam kebolehan mereka menyelesaikan perbezaan pendapat tanpa menjejaskan matlamat bersama.

Sementara itu, pantang larang tidak boleh mencaci silat Melayu asli yang lain pula melatih pelajar untuk menjaga adab semasa berinteraksi dan berkomunikasi (Salleh, 2021). Perkara ini boleh diaplikasikan di dalam bilik kuliah masing-masing semasa diberi tugas berpasukan. Hal ini juga berkait rapat dengan dapatan terhadap aspek komunikasi yang menunjukkan 70.2% pelajar memberi skor 5 terhadap item “*Saya mempelajari kemahiran komunikasi melalui aktiviti SULAM*”. Jelas di sini bahawa kemahiran komunikasi berkesan yang bersifat membina dan beradab telah diterapkan melalui amalan, latihan silat dan juga aktiviti SULAM SSCM. Dari segi empat aspek kemahiran kerja berkumpulan:

1. Ketua sebagai penggerak program.
 - Ketua yang memahami dan menghayati nilai adab serta perpaduan seperti dalam pantang larang SSCM lebih cenderung memimpin secara adil dan bijaksana. Dapatan menunjukkan bahawa 42.6% responden menyatakan ketua mereka memainkan peranan penting.
2. Mesyuarat dalam menguruskan tugas.
 - Nilai tidak boleh bergaduh sesama ahli dan komunikasi secara lebih beradab menjadikan mesyuarat berjalan lancar dan produktif (Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Jaih, & Ismail, 2018). Ini disokong oleh 74.5% yang sangat bersetuju bahawa perbincangan dijalankan sebelum tugas dilaksanakan.
3. Melaksanakan tugas secara bertanggungjawab.
 - Kesedaran bahawa setiap ahli perlu bekerjasama dan tidak bergantung kepada ketua sahaja juga dapat dikaitkan dengan prinsip tidak mencaci dan tidak bergaduh, iaitu saling menyokong dan menegur dengan hikmah (M. M. A. Ahmad, Jaih, & Ismail, 2017). Namun, wujud kelemahan seperti 40.4% responden memberi skor rendah terhadap isu “ahli tidak melaksanakan kerja” menunjukkan ruang untuk memperkukuh tanggungjawab individu.
4. Berkomunikasi secara berkesan serta mengurangkan konflik.
 - Gabungan nilai dalam pantang larang SSCM jelas memperkukuh kemahiran ini. Pelajar dilatih untuk berfikir sebelum bertindak, memilih kata-kata yang sopan dan menjaga hubungan sesama ahli kumpulan. Dapatan tinggi terhadap komunikasi, konsep bersama dan penyelesaian konflik menunjukkan bahawa prinsip-prinsip dalam silat membantu dalam menstabilkan dinamik kumpulan.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia (SSCM) yang berpaksikan nilai-nilai Islam (*ta'awun* dan *ukhuwah*) dapat memainkan peranan penting dalam membentuk dan memperkukuhkan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar. Melalui aktiviti berstruktur seperti pengenalan kepada pantang larang dan tugas berbentuk khidmat masyarakat (SULAM), pelajar telah menunjukkan perkembangan positif dari segi komunikasi, penyelesaian konflik, tanggungjawab terhadap tugas, serta kesediaan untuk bekerjasama.

Dapatan soal selidik menunjukkan skor yang tinggi terhadap keempat-empat aspek kerja berpasukan iaitu: (i) ketua sebagai penggerak program, (ii) pelaksanaan mesyuarat dan perbincangan tugas, (iii) sikap bertanggungjawab terhadap tugas, dan (iv) komunikasi berkesan serta pengurangan konflik. Selain itu, nilai-nilai yang terkandung dalam dua pantang larang utama SSCM iaitu tidak boleh bergaduh sesama ahli dan tidak boleh mencaci silat Melayu asli lain, terbukti memberi impak dalam membentuk sahsiah pelajar yang positif.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pengintegrasian unsur budaya dan nilai Islam dalam pembelajaran berasaskan aktiviti ko-kurikulum seperti silat bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar, malah turut menyumbang kepada pembentukan graduan yang berjiwa seimbang, bertanggungjawab, serta bersedia menghadapi cabaran kehidupan sebenar. Cadangan untuk masa hadapan termasuk memperluas pendekatan ini ke dalam program-program pembangunan pelajar yang lain bagi memperkukuh lagi pendidikan holistik di institusi pengajian tinggi.

Rujukan

- Ahmad, M. M. A., Jaih, A. M. M., & Ismail, A. M. (2017). Melestarikan amali gotong-royong dan sembelihan halal menerusi pendekatan kenduri dalam Seni Silat Cekak Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam *12th ISDEV International Islamic Development Management Conference*, Pulau Pinang.
- Ahmad, M. M. A., Jaih, A. M. M., & Ismail, A. M. (2018). Gotong-royong and halal slaughter practice in feast held by Seni Silat Cekak Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 1061–1070. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i5/4482>
- Aizat, M. S., & A, N. (2015). Penjanaan kemahiran insaniah melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia. Dalam S. C. Lah & N. Esa (Pnyt.), *Ilmu, tradisi dan kelestarian dalam kearifan tempatan* (hlm. 20–33). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Fadhil, S. S., Ismail, R., & Alnoor, A. (2021). The influence of soft skills on employability: A case study on technology industry sector in Malaysia. *Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge, and Management*, 16, 255–276. <https://doi.org/10.28945/4807>
- Firmansyah, E., Sumantri, P. A. H., Mutmainna, N., & Azizah, N. (2025). Implementasi ta'awun dan ukhuwah wathaniyah melalui tradisi gotong royong di Desa Pombewe. *Iqra: Jurnal Ilmu Kependidikan dan Keislaman*, 20(1), 14–25.
- Hamdan, H. Y., Majid, A. H. A., Salleh, F. N. M., Musthafa, N. N. N., Azhar, T. N. A. K., & Ismail, A. M. (2019). Kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia: Melahirkan sahsiah pelajar yang bertanggungjawab, amanah dan berintegriti tinggi. Kertas kerja dibentangkan dalam *Proceeding of the 14th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2019)*.
- Ismail, A. M. (2016). Silat: Ilmu gaduh yang tidak perlu bergaduh. Kertas kerja dibentangkan dalam *6th International Conference on Local Knowledge 2016 (ICKL): Local Wisdom: Universal Heritage*, Georgetown, Pulau Pinang.
- Ismail, A. M., & Ahmad, S. (2011). Terpinggirnya adab dan adat dalam kehidupan bangsa di Malaysia: Pengalaman pengamal budaya persilatan Seni Silat Cekak Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam *Prosiding Kongres Antarabangsa Bahasa dan Budaya*, Brunei.
- Ismail, A. M., Majid, A. H. A., & Ahmad, S. (2024). Etika pertarungan dalam keunikan Silat Cekak Malaysia. Dalam R. A. Hamid (Pnyt.), *Kearifan tempatan: Dari lisan ke aksara dan media* (hlm. 90–102). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ismail, A. M., & Rahman, K. A. (2018). Pendidikan akhlak menerusi pantang larang dalam Seni Silat Cekak Malaysia. Dalam N. Esa & S. C. Lah (Pnyt.), *Kelestarian dan dinamisme kearifan tempatan dalam pendidikan* (hlm. 9–25). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ismail, F., Mohamad, R. H., & Khamis, N. R. D. (2021). Penguasaan kemahiran insaniah melalui penglibatan dalam kokurikulum Pasukan Bomba Bantuan Institusi. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 437–445.
- Janudin, S., & Samah, A. A. (2020). Peranan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) dalam pembangunan komuniti Melayu-Muslim berteraskan ilmu persilatan. *Sains Insani*,

5(1), 79–85.

- Majid, A. H. A., Ahmad, M. M. A., Aziz, N. I. A., Ahmad, S., & Ismail, A. M. (2019). Pembangunan kerohanian Islam melalui ilmu bela diri Melayu: Perspektif Seni Silat Cekak Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 1(4), 88–99.
- Moinser, M. A., Zaid, B. A. M., & Mohar, W. M. D. H. W. (2016). Penjanaan kemahiran insaniah mahasiswa IPT melalui sinergi ilmu dan pendidikan. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions*, 3(3), 1–9.
- Roslan, F. A., & Tarmidzi, N. I. F. A. (2024). Mendalami pemahaman ilmu terhadap Islam dan falsafah untuk membentuk perpaduan. Kertas kerja dibentangkan dalam *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9*.
- Salleh, N. E. E. N. (2021). The ideology of spiritual practices in Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). *Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 22(1), 77–89. <https://doi.org/10.14421/esensia.v22i1.2400>
- Siti, M., & Muhammad, A. (2025). Strategi Mus'ab bin Umair dalam mengislamkan suku Aus dan Khazraj di Madinah. *Tumanurung: Jurnal Sejarah dan Budaya*, 5(1), 113–126. <https://journal3.uin-alauddin.ac.id/index.php/tumanurung/article/view/52973>
- Zainudin, M. A. M. A. H. A. A. S. M. (2024). A case study on the influence of Ustaz Hanafi's leadership on policies and practices in Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(65, Special Issue), 269–277.